

27 MAR 2002

CHONG-PALPA/I

SABAH TEMUI PEGAWAI CHINA BINCANG PROJEK PALPA RM4.56 BILION

KOTA KINABALU, 27 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri Sabah akan menghantar rombongan khas ke China akhir April ini sebagai usaha terakhir untuk berunding mengenai cadangan menubuhkan sebuah kilang usaha sama palpa dan kertas berharga RM4.56 bilion di Tawau, kata Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, hari ini.

Katanya, beliau telah mengarahkan Pengarah Yayasan Sabah, Tan Sri Khalil Datu Jamalul dan wakil-wakil daripada cawangan pelaburan yayasan itu, Innoprise Corporation Sdn Bhd, untuk membincangkan perkara tersebut dengan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan di China.

"Mereka (anggota perwakilan Sabah) akan berbincang dengan rakan-rakan sejawatan mereka secara muktamad. Kita mahu tahu sama ada China mahu meneruskan usaha sama ini atau tidak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri di Wisma Innoprise, di sini.

Chong diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa projek tersebut mungkin dipindahkan ke negeri lain kerana Beijing tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Sabah.

Chong berkata, kerajaan negeri Sabah juga telah meminta Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mengetuai perwakilan tersebut.

Katanya, adalah wajar seorang menteri kanan menyertai perwakilan itu kerana ia ada kaitan dengan kerajaan pusat memandangkan ia adalah projek mega.

Ditanya mengenai syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Sabah, beliau berkata: "Kita ada syarat, berbagai jenis syarat." Ini termasuklah penyertaan ekuiti, pengurusan ekosistem, pertimbangan alam sekitar, pengurusan dan penguasaan. -- BERNAMA

NT SHY KY OS